

Peraturan kempen dikaji

2002

Oleh ZULKIFLEE BAKAR DAN
SITI MARIAM MAT ZAIN

JITRA 21 Julai — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan akan mengkaji peraturan berkempen ketika pilihan raya yang dianggap semakin keterlaluan dan melampau.

Bagaimanapun katanya, walaupun kajian itu dilakukan kerajaan tetap bertanggungjawab untuk menerangkan kepada rakyat bagi mengelakkan mereka daripada melakukan kesilapan ketika memilih dalam pilihan raya.

“Di satu pihak kerajaan mesti kaji tapi di pihak yang lain kita sendiri mesti buat kerja untuk menerangkan pada rakyat kerana kita lihat dan merasa kecewa orang yang buat benda tak baik dinilih dan orang yang buat benda baik ditolak.

“Apa yang kita buat sebagai kerajaan yang tidak baik, selain daripada fitnah yang dilemparkan kepada kita. Tunjukkanlah apa yang tidak baik yang kita buat?” tanya beliau.

- **Rakyat dikeliru kelompok peralat Islam — Muka 2**
- **Gambar-gambar — Muka 16**

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas berucap di Majlis Pemimpin Bersama Rakyat sempena Konvensyen K3P Peringkat Kebangsaan di padang Institut Latihan Perindustrian Jitra, di sini hari ini.

Dr. Mahathir diminta mengulas ruangan *Bisik-Bisik Awang Sulung* dalam *Mingguan Malaysia* hari ini yang meminta supaya satu undang-undang dan peraturan diwujudkan bagi mengubah sikap dan ketertiban semasa berkempen dalam pilihan raya.

Antaranya, ruangan itu mencadangkan supaya semua poster dan kain rentang yang digunakan dalam pilihan raya dihadkan kepada gambar calon dan isu yang diperjuangkan sahaja serta diserahkan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) untuk kelulusan.

Ia juga mencadangkan ceramah dari rumah ke rumah dan ceramah umum yang

■ **Lihat muka 11**

Peraturan kempen dikaji

diatur sendiri seperti sekarang hendaklah dihenti dan diganti dengan ceramah yang diatur oleh SPR di tempat-tempat” yang ditentukannya seperti stadium dan dewan orang ramai.

Ditanya apakah beliau akan meminta SPR mengkaji perkara itu, katanya, “saya tidak tahu tetapi saya percaya mereka akan mengkajinya.”

Diminta mengulas kenapa kerajaan tidak bertindak tegas terhadap parti politik yang memfitnah kerajaan ketika berkempen. Perdana Menteri berkata, kerajaan perlu menentukan terlebih dahulu sama ada pihak yang melakukan perbuatan berkenaan melanggar undang-undang atau tidak.

“Sebab bukan kita yang nak menjatuhkan hukum. Yang nak menjatuhkan hukum ialah hakim-hakim dan kalau kita tak dapat memberi keterangan secara betul dan jelas, mereka akan lepaskan.

“Kalau itu berlaku maka orang ini akan menjadi lebih buruk, dia akan mengubah kclakuan yang lebih tidak baik sebab itu sebelum kita ambil tindakan, kita harus tahu undang-undang mana yang mereka telah langgar,” katanya.

Kepada satu soalan lain, Dr. Mahathir berkata, walaupun kerajaan berusaha untuk memberi penerangan kepada rakyat mengenai keburukan yang dibawa oleh Pas namun ia tetap gagal.

Katanya, keadaan ini berlaku kerana tindakan Pas yang telah ‘membasuh’ minda masyarakat termasuk di peringkat tadika lagi.

“Bila mereka jadi dewasa, mereka tidak dapat buat keputusan mana yang betul. Itu sebab penting kepada kerajaan untuk memberi pendidikan kepada orang ramai supaya mereka dapat menolak yang mana tidak baik.

“Buat masa ini kita boleh lihat orang boleh maki, fitnah dan bercakap bohong serta menunjukkan bahagian

sulit mereka, ini sesuatu yang memeranjatkan,” katanya.

Beliau berkata, perbuatan buruk tidak seharusnya dilakukan terutamanya oleh mereka yang mendakwa mempunyai latar belakang dan berpendidikan agama yang sepatutnya mengajar perkara yang baik.

“Malangnya kerana sikap fanatik, mereka tidak menerima penjelasan kita. Bila Nik Aziz (Menteri Besar Kelantan) kata Tuhan mencarut, mereka sokong dia, kita cabar dia tunjuk bukti tetani dia tidak tunjuk, sebaliknya mereka memberi sokongan kepadanya, ini menunjukkan fanatisisme,” katanya.

Mengenai sikap rakyat yang dilihat masih belum memahami usaha yang dilakukan oleh kerajaan dalam memberi penerangan mengenai Pas, Dr. Mahathir berkata, kerajaan perlu bekerja lebih kuat lagi.

“(Ini kerana) di negara demokrasi lain, mereka hanya berkempen dalam tempoh yang tertentu untuk menjelaskan sesuatu isu.

“Tetapi di Malaysia tidak, Pas akan terus melancarkan kempen meracun pemikiran rakyat tidak hanya semasa kempen pilihan raya, bahkan di kelas-kelas tadika dengan mengajar kanak-kanak membenci kerajaan, oleh apabila dewasa mereka membenci kerajaan tanpa sebarang alasan,” katanya.

Beliau berkata, kerajaan menghadapi kesukaran untuk memberi penjelasan perkara yang benar kepada rakyat kerana menurut beliau “apabila kita beritahu perkara yang baik, rakyat tak nak terima. Rakyat suka mendengar perkara yang tak baik.”

Ditanya mengenai dakwaan Pas bahawa keputusan pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Anak Bukit dan Parlimen Pendang menuniukkan rakyat menerima corak politik mereka, Dr. Mahathir secara sinis berkata;

“Mereka boleh mendakwa begitu, bagaimana berjayanya mereka merendahkan nilai baik dan kepercayaan agama di kalangan rakyat. Sebenarnya dari segi memeralatkan agama sesuka hati mereka benar-benar berjaya dan saya mahu mengucapkan tahniah kepada mereka kerana bukan mudah untuk mempengaruhi orang Melayu beragama Islam menentang agama mereka.”

Mengenai prestasi Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya kecil tersebut, Dr. Mahathir berkata, beliau berpuas hati dengan jentera BN yang bekerja keras.

Bagaimanapun, kata beliau Pas telah menggunakan taktik kotor.

“Mereka menakut-nakutkan rakyat sehingga rakyat takut keluar mengundi. Saya yakin, mereka ini bukan keluar untuk mengundi Pas.

“Polis sendiri pun tidak menyangka yang Pas akan membawa sebegitu ramai penyokongnya ke pusat pengundian,” katanya.

Dr. Mahathir bimbang pada masa depan, para penyokong Pas ini akan menakut-takutkan pula pengundi Cina supaya tidak keluar mengundi.

“(Kononnya) kalau keluar akan berlaku keganasan dan sebagainya, ini taktik Pas,” katanya.

Perdana Menteri juga mempersoalkan sikap Pas yang mengkritik media arus perdana yang didakwa tidak memberi ruang kepada parti pembangkang ketika pilihan raya tersebut.

“Media dia pernah bagikah (ruang) kepada kita (kerajaan), memang mudah untuk minta orana lain bagi (ruang) tapi pada masa yang sama dia sendiri tak bagi.

“Dia cerita dalam *Harakah* semuanya fitnah terhadap diri saya, kononnya anak saya dapat gaji RM900,000 sebulan, kononnya saya tak sembahyang subuh. Macam-macam masuk da-

lam itu (*Harakah*), kenapa dia tak bagi layanan yang sama.

“Saya tengok dalam *Utusan*, bagi juga cerita Pas buat itu, buat ini. Dalam TV pun kadang-kadang kita bagi juga. Tapi dia maki kita terutamanya dalam Internet,” katanya.